

20/08/1997

MTUC sokong kurangkan pekerja asing

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya majikan mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing.

Presidennya, Zainal Rampak, berkata saranan Perdana Menteri itu tepat pada masanya kerana ada lebih tiga juta pekerja asing, yang sah dan haram, di negara ini.

"MTUC terus meminta kerajaan mengharamkan buruh asing sejak hampir 10 tahun lalu dan kami gembira kerana ia akhirnya akan dilaksanakan walaupun agak lewat.

"Hampir 15 peratus daripada 20 juta penduduk negara ini terdiri daripada pekerja asing, dan jika bilangannya yang terus bertambah tidak diperiksa sekarang, ia mungkin membawa implikasi sosial, ekonomi dan politik yang serius pada masa akan datang dan pada masa itu, sudah terlalu lewat untuk bertindak," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata, pekerja tempatan juga didiskriminasikan oleh majikan yang mengambil pekerja asing dan menggaji mereka dengan upah yang lebih tinggi.

"Umpamanya, pekerja tempatan dan asing di KL Glass Sdn Bhd, masing-masing dibayar RM375 dan RM550 setiap bulan, dengan pekerja asing menikmati semua faedah yang terkandung dalam Perjanjian Bersama," kata Zainal.

(END)